

26/08/1999

Mengapa DEB digubal?

iewed by Salbiah Ani

Judul: Jalan Ke Puncak.

Harga: RM10.90. (see CORRECTION above)

Halaman: 148 halaman.

Terbitan: Pelanduk Publications.

Penulis: Mahathir Mohamad.

JALAN Ke Puncak tulisan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi pandangan menyeluruh berhubung Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990) dan rintangan yang terpaksa dilalui dalam usaha memastikan matlamatnya dapat dicapai.

Buku terbitan Pelanduk Publications setebal 148 halaman berharga RM10.90 senaskhah ini dibahagikan kepada lima bahagian iaitu DEB, Dimensi Politik, Dasar Ekonomi Baru dan Tindakan Afirmatif, Pertumbuhan Dengan Keseimbangan dan Dimensi Baru.

Bahagian DEB (halaman tiga hingga 40), Jalan Ke Puncak, membawa khalayak meninjau sebab DEB digubal selepas meletus rusuhan kaum paling buruk di Kuala Lumpur, yang lebih dikenali sebagai Peristiwa 13 Mei 1969.

Dijelaskan ketika kerajaan menggubal DEB, tidak ada sebarang program seumpama itu di dunia yang boleh dijadikan contoh dan akibatnya apabila tersilap langkah kerajaan Barisan Nasional terpaksa menanggung padah.

Khalayak juga dimaklumkan mengenai DEB yang bertujuan melaksanakan pengagihan semula kekayaan negara secara asas dengan membabitkan orang Melayu serta Bumiputera lain ke dalam arus utama kehidupan ekonomi.

Dr Mahathir turut menjelaskan sememangnya sukar membawa Bumiputera ke dalam aliran utama ekonomi pada masa itu kerana orang Melayu waktu itu tidak mahir berniaga selain tidak melihat wang sebagai modal.

Malahan bagi orang Melayu luar bandar terutamanya, wang hanya kemudahan untuk mendapatkan barang keperluan mereka, ditambah pula dengan tahap pendidikan Bumiputera rendah pada masa itu.

Sistem urusan bank pada masa itu pula tidak membabitkan diri dalam usaha menyokong matlamat sosial dan ekonomi negara kerana berperanan hanya sebagai institusi meminjamkan wang.

Penubuhan Mara (Majlis Amanah Rakyat) bagi menggantikan Rida (Lembaga Pembangunan Perindustrian Luar Bandar) pula, hanya bertumpu kepada peniaga kecil dan tidak berkesan sebagai agensi untuk melancarkan Bumiputera ke dalam aliran utama kehidupan perniagaan.

Malahan percubaan awal beberapa individu memasuki dunia perniagaan besar banyak menerima kritikan kerana pada mulanya penyertaan langsung secara individu itu sedikit benar sumbangannya terhadap matlamat DEB.

Dalam keadaan terdesak untuk membaiki kedudukan ekonomi orang Melayu negara ini, kerajaan turut membuat keputusan menubuhkan syarikat bagi memasuki bidang perniagaan sehingga terbentuk Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDC). Setiap perbadanan itu pula menubuhkan syarikat yang diberi taraf Bumiputera dan membabitkan diri dalam pelbagai perniagaan.

Meskipun SEDC berjaya menambah bahagian Bumiputera dalam kekayaan negara tetapi sering gagal beroperasi secara menguntungkan, kerana kerap menghadapi persaingan daripada peniaga bukan Bumiputera dan segelintir individu Bumiputera.

Tidak ketinggalan Dr Mahathir menekankan DEB yang memberi keistimewaan kepada Bumiputera, berjaya membawa perkembangan ekonomi dan usaha niaga baru turut ditubuhkan bukan Bumiputera, terutamanya orang Cina selain perniagaan dan pelaburan asing turut berkembang.

Bahagian Dimensi Politik pula, membicarakan 'pengorbanan' orang Melayu

dalam bentuk kesediaan untuk bertolak ansur dan bekerjasama dengan orang Cina melalui arena politik.

Persetujuan memberi kerakyatan kepada sejuta orang bukan Melayu diterjemahkan Dr Mahathir sebagai kemurahan hati bangsa Melayu kerana langkah berkenaan banyak mengurangkan kuasa politik orang Melayu sendiri.

Turut disentuh kegembiraan orang Melayu menerima kemerdekaan daripada British pudar selepas dekad pertama apabila mereka sedar bangsanya tetap berada pada takuk lama.

Mereka tetap miskin berbanding orang Cina disebabkan pucuk pimpinan Melayu masa itu merumuskan, orang Melayu hanya mahu makan gaji manakala orang Cina mahu berniaga.

Kelantangan orang Melayu menuntut penyertaan dalam bidang yang dikuasai orang Cina dan sebaliknya menyebabkan keadaan politik dan masyarakat masa itu tegang sehingga kerjasama Umno dengan MCA sukar diteruskan.

Tanda tidak puas hati orang Melayu dan Cina terhadap kerajaan pada masa itu dikatakan cukup ketara tetapi tidak diakui pemimpin kerajaan kerana tiadanya pertarungan terbuka.

Malahan ramalan Perikatan akan berpecah-belah ekoran rusuhan kaum Mei 1969 meleset. Sebaliknya, Perikatan membesar dan menjadi Barisan Nasional yang dianggotai beberapa parti pembangkang sebelum 1969.

Pelaksanaan DEB berterusan atas kesedaran bukan Bumiputera sebenarnya tidak kehilangan apa-apa melalui dasar itu, walaupun beberapa individu dan parti melakukan pelbagai tindak-tanduk politik untuk menghalangnya.

Fasal tiga, Bahagian Ekonomi Baru dan Tindakan Afirmatif, pula membandingkan DEB dengan tindakan afirmatif yang dilaksanakan di Amerika Syarikat bagi merapatkan jurang ekonomi orang kulit hitam dan Hispanik dengan orang kulit putih.

Kehidupan mewah orang kulit putih di Amerika Syarikat hari ini dikatakan sebahagiannya hasil perhambaan dan eksploitasi terhadap orang kulit hitam pada masa lalu.

Apa yang dimiliki orang kulit putih sekarang, termasuk kelebihan yang masih ada pada mereka berbanding orang kulit hitam dan Hispanik, adalah warisan perolehan tidak 'halal' daripada nenek moyang mereka.

Sebahagian daripada apa yang dimiliki orang kulit putih hari ini dikatakan hasil titik peluh dan air mata hamba abdi kulit hitam serta orang kulit hitam yang dimerdekakan selepas perhambaan dihapuskan pada 1863. Pada masa sama, selepas perhambaan dihapuskan, orang kulit hitam tetap dieksploit.

Dr Mahathir menjelaskan diskriminasi berbentuk keistimewaan bagi orang kulit hitam wajar dianggap sebagai satu pembetulan sekalipun tindakan afirmatif memberi kedudukan orang kulit hitam sama baik dengan kulit putih.

Tindakan afirmatif di Amerika Syarikat bertujuan mengimbangi kesan tindakan negatif, berbentuk perhambaan orang kulit hitam dan puluhan tahun prasangka terhadap mereka selain prasangka terhadap orang Hispanik.

Walaupun diskriminasi yang dilakukan oleh British dalam dasarnya di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah lebih halus, namun pada hakikatnya samalah dengan diskriminasi pendatang kulit putih di Eropah terhadap orang Red Indian, penduduk asli di Amerika Utara.

Kecenderungan membawa masuk orang dari negara lain bagi membantu proses penjajahan adalah sebahagiannya didorong kesedaran orang asing itu lebih mudah dikendalikan daripada penduduk tempatan.

Justeru, DEB boleh disamakan dengan tindakan afirmatif di Amerika Syarikat tetapi pendekatannya cukup sederhana dan tetap tidak akan adil sepenuhnya kepada Bumiputera yang masih ketinggalan.

Dalam Bahagian Pertumbuhan Dengan Keseimbangan, Dr Mahathir menegaskan DEB bukan bertujuan memberi kekayaan yang sama bagi setiap rakyat

Malaysia, sebaliknya mewujudkan pengagihan kekayaan berkadar antara kaum di negara ini.

Bagi Perdana Menteri, matlamat DEB sudahpun berjaya dilaksanakan memandangkan kemiskinan di kalangan rakyat negara ini sudah dibasmi dan pengenalan kaum melalui kegiatan ekonomi tidak lagi berlaku.

Malaysia juga berjaya mengekalkan kestabilan politik dan hubungan harmonis antara kaum berlainan tetap berlangsung kerana adanya gabungan keseimbangan kaum dengan pertumbuhan ekonomi.

Bahagian Dimensi Budaya pula menyinggung mengenai perubahan budaya orang Melayu dan Bumiputera lain, sehingga mereka jauh berbeza daripada generasi terdahulu tetapi tetap kekal dengan pengenalan sebagai orang Melayu, Iban, Kadazan dan seterusnya.

Mereka masih bertutur bahasa yang sama meskipun sudah ada kata masukan yang baru dan tetap memelihara kemahiran selain kesenian tempatan, walaupun dalam corak lebih moden.

Malahan, salah satu aspek budaya Bumiputera yang berubah, secara sengaja atau sampingan hasil daripada pelaksanaan DEB ialah keyakinan diri. Daripada bangsa yang tidak mempunyai keyakinan diri pada zaman British, kini mereka lebih berkeyakinan.

Mereka turut memperolehi budaya masyarakat perdagangan dan perindustrian moden sekalipun kekal sebagai Bumiputera tetapi dengan jiwa baru.

Justeru, buku ini bukan saja boleh dijadikan bahan bacaan peneliti sosial, tetapi juga politik dan sejarah di Malaysia kerana menyediakan latar yang serba lengkap dari kaca mata seorang negarawan ulung Malaysia.

(END)